

MAHATHIR - KABINET

(I)

OLEH IDZAN ISMAIL 1984

KUALA LUMPUR, 18 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGELUARKAN ARAHAN MEMINTA SEMUA MENTERI KABINET MENGISYTIHARKAN HARTA Masing-masing.

PERDANA MENTERI BERKATA ARAHAN ITU MELIPUTI MENTERI-MENTERI YANG BARU DILANTIK DAN YANG DIKEKALKAN DALAM BARISAN JEMAAH MENTERI YANG DIUMUMKAN SABTU LALU.

BELIAU MENGELUARKAN ARAHAN ITU DALAM MESYUARAT KABINET HARI INI -- YANG PERTAMA DIADAKAN SELEPAS 'ROMBAKAN KABINET.'

+SEMUA MENTERI YANG MEMBUAT PENGISYTIHARAN DUA TAHUN LALU DAN YANG BARU DILANTIK DIKEHENDAKI MENGEMUKAKAN PENGISYTIHARAN ITU KEPADA SAYA, + KATANYA KEPADA BERNAMA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MINGGUAN KABSNET DI PEJABATNYA DISINI.

PENGISYTIHARAN HARTA DIBUAT BERDASARKAN ARAHANNYA SEBELUM INI MEWAJIBKAN SEMUA ANGGOTA KABINET MENGISYTIHARKAN HARTA MEREKA DUA TAHUN SEKALX. -- LAGI

1515MST 18 07 84

DD14

U B565 DEB S X N

MAHATHIR - KABINET 2 KUALA LUMPUR

(I)

DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU BERHARAP PENGISYTIHARAN ITU 'DAPAT DISIAP DAN DIKEMUKAKAN KEPADANYA DALAM TEMPOH DUA ATAU TIGABULAN INI.

DALAM MESYUARAT HARI INI, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU MENEKANKAN KEPERLUAN PARA MENTERI MEMBERHENTIKAN SEGALA JENIS PERNIAGAAN MEREKA TERMASUK YANG DIURUSKAN OLEH ISTERI Masing-masing.

BELIAU JUGA MEMBERI KE' TERANGAN KEPADA PARAMENTERI TENTANG TANGGUNGJAWAB, SIKAP DAN KEPERLUAN YANG DIKEHENDAKI DARI MEREKA.

TIGA ORANG MENTERI, ENCIK DAIM ZAINUDDIN (KEWANGAN), DATUK ABU HASSAN OMAR (KEBAJIKAN MASYARAKAT) DAN DATUK KHALIL YAAKOS (JABATAN PERDANA MENTERI) HADIR, DALAM MESYUARAT ITU BUAT KALI PERTAMA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK MUSA HITAM DAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH TIDAK HADIR KERANA KEDUA-DUANYA SEDANG BERCUTI DI LUAR NEGERI. -- LAGI

MAHATHIR - KABINET 3 KUALA LUMPUR

(I)

PERDANA MENTERI BERKATA SEBARANG PERUBAHAN TIDAK AKAN DIBUAT TERHADAP PELBAGAI JAWATAN KUASA KABINET YANG SEDIA ADA.

+MENTERI-MENTERI YANG BARU DILANTIK AKAN MENGAMBIL ALIH PELBAGAI JAWATAN KUASA DI BAWAH PORTFOLIO Masing-masing BAGI MENGGANTIKAN MEREKA YANG MELETAK JAWATAN ATAU DITUKARKAN KE KEMENTERIAN-KEMENTERIAN LAIN, + TAMBAHNYA.

-- BERNAMA